



Demokrasi Islam

Muhammad Said Darul Saadah, Kepala Batas Kedah, bertanya:

Saya ingin mendapat penjelasan tuan berkenaan dengan demokrasi di dalam Islam. Sebabnya saya bertanya kerana saya mendapati ada dua fahaman yang berlain-lainan. Dalam buku "Suluh Politik" yang dikarang oleh Saudara Ismail Muhammad, ada mengatakan bahawa "kerajaan Islam itu tidak berdasarkan demokrasi kerana demokrasi itu ibarat satu susunan hukum dan pemerintah yang ada di dalamnya kuasa-kuasa rakyat. Lagi satu pendapat pula baharu-baharu ini saya baca di dalam "Suara Islam" bilangan 5 dalam makalah saudara Johari Ahmad yang bertajuk "Islam Dan Politik" telah menegaskan bahawa Islam, politik, demokrasi ketiga-tiganya rangkai berangkai, tidak dapat dipisahkan.

Jadi di antara dua pegangan ini yang mana patut kita pegang?

Jawab: Kedua-dua makalah yang saudara sebutkan itu kami masih belum membacanya kerana itu di sini kami hanya menerangkan apa dia caranya yang dipakai di dalam Islam.

Agama Islam dasarnya bukan demokrasi dan bukan diktator. Islam mendasarkan pentadbirnya dengan musyawarah berpandu dengan firman Allah: *Washāwarhum fit al-amm fa 'idhā azamta fatawakkal 'alā Allāh*. Maksudnya

Soalan-soalan hendaklah jangan berbelit-belit kerana akan menyulitkan kita menjawabnya. Soalan-soalan agama yang selalu terjadi dalam masyarakat adalah diutamakan dari yang lain-lainnya - Bertanyalah!!!

bermesyuaratlah (berundinglah) kamu kepada jalan kebaikan, dan apabila telah tepat azam kamu (kepada keputusan mesyuarat itu) maka bertawakallah kamu kepada Allah.

Dasar bermesyuarat di dalam Islam itu tidak bergantung kepada besarnya undi seperti yang ada pada cara demokrasi iaitu apabila diundi 50 lebih satu maka suara yang terbanyak dipakai. Dasar Islam bermesyuarat ialah didasarkan kepada muslihat yang utama, dan di dalam pencalonan Islam tidak membenarkan seseorang itu mencalonkan dirinya tetapi hendaklah ia dicalonkan oleh orang ramai. Sedang pada demokrasi seseorang itu boleh menjadi calon dengan kemahuannya sendiri.

Supaya saudara lebih jelas dalam menelaah dalam hal ini, kami anjurkan saudara menatap ucapan Profesor Abdul Kahar Muzakkar yang dibukukan oleh Qalam yang bertajuk "Persaudaraan Islam" yang dijual 60 sen senaskhah dan dua puluh sen bagi anggota-anggota Ikhwan. Di sana saudara akan dapat penjelasan yang lebih jelas dalam hal ini.

* * *

Kewajipan Seorang Islam

Muhammad Bin Muhammaddin, Sekolah Melayu Bagan Baru,

Sungai Saga, Ijok Perak bertanya:

Seseorang yang mengaku dirinya sebagai orang Islam tetapi tidak tahu mengucap dan mengetahui semua rukun-rukun Islam dan tidak mengerjakan suruhan

Allah - Adakah ia kafir atau Islam dan apakah hukumnya ke atas mereka?

Jawab: Orang yang telah mengucap dua kalimah syahadah hukumnya ialah orang itu Islam. Apabila ia telah menjadi seorang Islam, maka dengan sendirinya ia termasuk dan mesti taat kepada disiplin Islam. Islam tidak mesti menyelidiki bagaimana keIslamannya dan jika ia tidak mengerjakan suruhan Tuhan maka sudah terang ia berdosa.

Jika seseorang baharu masuk Islam dan diIslamkan maka sesudah ia Islam, adalah menjadi tanggungjawab orang Islam mengajarnya supaya menjadi Islam yang baik. Ia mesti diajar kewajipan sebagai seorang Islam, mesti diajar ilmu tauhid, sembahyang, puasa, hukum-hukum zakat dan haji. Jika ia terbiar, maka selain dari ia telah melakukan dosanya, maka masyarakat di sekelilingnya juga bertanggungjawab atas perbuatannya. Tetapi kalau ia telah diberi pertunjuk dan melanggar pertunjuk itu maka dosanya terpulang kepada dirinya sendiri.

* * *

Doa dalam sujud

Abdullah Jaafar. R.A.F. Police,
Station Tengah (Ikhwan 2616) Singapura, bertanya:

Saya telah membaca syarahan Kiyai Muhammad Hasbi Al-Siddiqi yang tersiar di dalam Qalam keluaran April dan Mei 1958 ada menyatakan bahawa pada masa kita sujud di dalam sembahyang kita boleh meminta doa kepada Tuhan atas apa-apa yang kita kehendaki. Oleh itu saya ingin bertanya: Bolehkah kita meminta di waktu sujud itu dengan Bahasa Melayu dengan perkataan-perkataan Ya Tuhan, minta jauhkan daripada sekalian bala dan lain-lainnya. Bolehkah

kita meminta dalam masa sembahyang fardu ataupun pada sembahyang sunat sahaja ataupun pada sembahyang hajat sahaja?

Jawab: Di dalam syarahan Kiyai Muhammad Hasbi ada diterangkan dengan jelas tentang meminta doa di dalam sujud dan doa di dalam sujud itulah sebaik-baik tempat untuk bermohon kepada Tuhan. Kerana sembahyang tidak boleh menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Arab yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah (S.A.W) - kerana ia satu ibadat dan tiap-tiap ibadat hendaklah dibuat seperti yang dibuat oleh Rasulullah sahaja maka hendaklah kita mengikut apa-apa yang diajarkan oleh Rasulullah. Kalau

Kitab-kitab mengenai sembahyang

- | | |
|--|--------|
| 1. Ibadat Rasulullah (S) | \$3.00 |
| Tambah belanja pos 20 sen. | |
| 2. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar) | \$1.20 |
| 3. Pelajaran Sembahyang (Allahu Akbar) | |
| mengenai: Imam, Makmum. Masbuk | |
| dan lain-lainnya. | |
| | \$1.20 |
| 4. Mari Sembahyang (Buat lelaki) | \$1.20 |
| 5. " " (Buat perempuan) | \$1.20 |

Dari 2,3,4 dan 5 pesanan hendaklah tambah belanja pos 10 – sen tiap-tiap naskhah.

Inilah di antara buku-buku pelajaran agama yang mudah sekali dipelajari. Pesan kepada:

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.

kita tidak khilaf Rasulullah (S.A.W) ada membaca doa di dalam sujud sebanyak 12 macam. Lafaz-lafaznya boleh saudara telaah di dalam kitab Ibadat Rasulullah. Di sana ada disebut beberapa banyak doa-doa yang dibaca oleh beliau yang satu di antaranya ada seperti yang saudara sebut. Baca doa itu dengan Bahasa Arab dan sematkan maknanya di dalam hati dengan ikhlas supaya doa itu dimakbulkan Tuhan. Buatlah seperti saudara membaca al-Fatihah dengan saudara mengetahui maknanya supaya saudara lebih khusyuk di dalam sembahyang. Perkara ini boleh buat di dalam sembahyang wajib, apa lagi sunat. Ini ada dibuat oleh Rasulullah (S.A.W).

* * *

Perceraian

Halimah Omar, Kampung Melayu, Singapura, bertanya:

Ada sebahagian dari kaum ibu memandang bahawa banyaknya perceraian yang menjadi penderitaan kepada kaum ibu itu disebabkan kerana hukum Islam tidak ketat dalam mengawal hak-hak wanita - Benarkah demikian?

Jawab: Tidak benar! Agama Islam adalah memberi hak-hak yang besar kepada wanita dalam perkahwinan. Sebab-sebab yang berlaku hak itu tidak digunakan adalah disebabkan kerana wanita-wanita sendiri tidak mengetahui hak-haknya dan ibu bapa juga tidak mempertahankan hak-hak itu. Perkahwinan adalah suatu perjanjian yang dalamnya kalau tidak diberi syarat-syaratnya, hak tertentu bagi suami sahaja. Tetapi kalau ibu bapa dan perempuan itu memberi syarat-syarat pada masa berkahwin, maka apabila dipersetujui oleh kedua-duanya, hak talak boleh dipegang oleh suami sendiri. Banyak hak-hak lain lagi.

Mengenai masalah ini telah banyak ditulis, dalam majalah ini. Kalau saudari baca majalah Qalam bilangan 3 sampai bilangan 8 pada makalah yang mengenai "Hak dan Kebebasan Perempuan" oleh Ummu Mukhsin, saudari akan mendapat keterangan yang jelas tentang hak-hak perempuan.

Kalau keadaan yang ada di sekeliling kita tidak begitu, maka janganlah disalahkan agama tetapi salahkan kepada orang yang tidak menjalankannya. Supaya hak-hak itu berjalan tuntut dan disekolah supaya ajaran Islam sebenarnya dijalankan!!



Menteri Pelajaran Persekutuan Encik Muhammad Khir Johari sedang memberi ucapan dalam suatu jamuan yang telah diadakan khusus baginya baru-baru ini.